

Sejarah Perkembangan Undang-Undang Keluarga Islam dan Pusaka Di Selatan Thailand

Sulaiman Dorloh⁴⁴, Mahamatayuding Samah⁴⁵, Mohd Noor Bin Daud⁴⁶, Muhammadtahir Cheuma⁴⁷,
Tayudin Osman⁴⁸

Abstrak

Agama Islam telah merubah fahaman, keadah-kaedah kehidupan masyarakat, dan corak pentadbiran pemerintah Raja-raja Patani yang mana sebelumnya mereka dipengaruhi oleh agama Hindu dan Buddha. Sebagai bukti jelas wujudnya pentadbiran dan pelaksanaan undang-Undang Islam di Patani, terdapat Undang-Undang Islam yang bertulis dan fatwa agama yang dikeluarkan oleh Shaikh Ahmad dalam bukunya *al-Fatawa al-Fataniyyah* pada tahun 1905 menunjuk bahawa undang-undang Islam merupakan undang-undang *lex loci* bagi penduduk Melayu Islam di Patani Darussalam. Raja-raja Patani telah melaksanakan Undang-Undang Islam secara berperingkat-peringkat sehinggalah Undang-Undang Islam tersebut menjadi undang-undang dasar Negara Patani Darussalam. Pada tahun 1457 Patani di istihar sebagai Negara Islam yang berdaulat. Kedua-duanya menjadi bukti berlakunya pelaksanaan Undang-Undang Islam di Patani Darussalam. Walau bagaimanapun kedatangan Siam ke Patani serta penerimaan Sistem *Khaluang Yai* dan sistem pemerintah *Kheat Jet Hua Muang* pada tahun 1901 melalui peraturan 32 telah membawa perubahan kepada pentadbiran negara dan undang-undang Islam. Kertas kerja ini membincangkan sejarah perkembangan dan kedudukan Undang-Undang Islam sebelum dan setelah kedatangan Siam termasuk projek penterjemahan dan penggubalan, proses pentashihan Kaedah Undang-Undang

⁴⁴ LL.B(Hons),LL.B(Syari'ah),MCL(Undang-undang Perbandingan),Phd(Undang-undang)IIUM-Pensyah Kanan Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris(UPSI)

⁴⁵ BA(Syari'ah& Undang-undang)Al-Azhar Universiti,MA(Syari'ah&Undang-undang) UM, Phd (Undang-undang Keluarga Islam) UM-Pensyarah Kanan,Jabatan Syari'ah dan Undang-Undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya

⁴⁶ BA(Fiqh&Pengajian Islam) Universiti Yarmouk,MA(Syari'ah)UM, PhD(Fiqh&Usul Fiqh)UIAM-Professor Madya , Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris(UPSI)

⁴⁷ Pensyarah, Pusat Pengajian dan Penyelidikan Kewangan Islam,UniSHAMS

⁴⁸ Pensyarah, Yala Rajabhat University, Thailand

Keluarga Islam dan Pusaka, kodifikasi Kaedah Undang-Undang Keluarga Islam dan isu-isu berbangkit semasa mekodifikasi Kaedah Undang-Undang Keluarga Islam dan Pusaka 1946.

Kata Kunci: Undang-Undang Keluarga Islam, Patani, Dato Yuthitham, Selatan Thai

Pendahuluan

Sebelum kedatangan Siam ke Negara Patani Darussalam, undang-undang yang dilaksanakan pada waktu itu ialah adat Melayu. Undang-undang adat sama ada dipengaruhi oleh ajaran Islam atau tidak, telah menjadi pegangan hidup masyarakat sebelum kedatangan Siam ke alam Melayu termasuk Siam. Apabila orang Melayu menganut agama Islam, maka undang-undang Islam telah diterima dan adat Melayu mula diubah suai supaya tidak bertentangan dengan undang-Undang Islam. Sungguhpun adat tidak menjadi suatu sumber Undang-Undang Islam, akan tetapi Islam membolehkan adat diterima dan diikuti oleh penganut-penganut agama islam selagi adat itu tidak bercanggah dengan ajaran atau syariat Islam. Mana-Mana adat yang dianggap baik, bermanfaat, dan tidak bertentangan dengan ajaran Islam boleh diterima dan dijadikan amalan oleh orang-orang Islam. Walaupun kebebasan bergama amat jelas dalam perlembagaan Thai tetapi pemakaian undang-undang Islam sangat terbatas. Pada tahun Akta 1901 melalui peraturan 32 untuk Pentadbiran bagi dilaksanakan dalam *Khet Jet Hua Meang*-Kawasan tujuh kepala negeri Row Sow 120 ia merupakan akta yang pertama yang membolehkan undang-undang Islam khususnya dalam Undang-Undang nikah cerai dan pusaka dilaksanakan dikawasan tujuh kepala negeri selatan Siam (Thai) terdiri daripada wilayah Patani, Nongchik, Yala, Raman dan Rangek. Wilayah Satul pada masa itu tidak termasuk dalam Kawasan *Jet Hua Mueang*. Oleh itu, wilayah Satul tidak dapat melaksanakan Undang-Undang Keluarga Islam. Akta kebenaran pemakaian undang-undang Islam mengenai Kekeluargaan dan Pusaka dilulus dalam tahun 1901 dan berkuat kuasa pada 10 Disember 1901 pada masa pemerintahan Perdana Menteri Pridi Phanomyong. Sebelum pengkuatkuasaan Akta 1901, peruntukan-peruntukan yang

terkandung dalam Kanun sivil and komusial 1934 Negara Thai dikuat kuasa kepada orang Islam di empat wilayah sempadan Thai.

Pada tahun 1934 akta pemakaian undang-undang Islam 1902 dibatalkan buat sementara waktu. Akhirnya pada tahun 1946 kerajaan meluluskan Akta mengenai pemakaian undang-undang Islam di empat wilayah selatan Thai 1946. Seksyen 3 dan 4 Akta 1946 memperuntukkan bahawa Undang-Undang keluarga Islam akan dikuat kuasa di Mahkamah Wilayah dengan bantuan *Dato' Yuthitham*. Menurut M.B. Hooker, dalam bukunya yang berjudul Undang-Undang Islam di Asia Tenggara (1984). Beliau berpendat:

...isi kandungan undang-undang Islam Keluarga dan Pusaka ini masih lagi tidak jelas dan tidak diketahui orang ramai.

Walaupun Akta 1946 dilulus oleh Parlimen sebagai suatu pengecualian daripada Kanun Sivil dan Kumusial Negara Thai 1934. Projek Penterjemahan dan kodifikasi Undang-Undang Keluarga Islam dan Pusaka 1946 dirangka mengekut peruntukan Bab V Kanun Sivil dan Kumusial Negara Thai 1934 ianya bukan berdarkan Peruntukan Undang-Undang Perlembagaan Thai. Pererkara 3 Perlembagaan Thai ada menetapkan bahawa "Kerajaan dikehendaki mempertimbangkan agama, kepercayaan, adat dan tradisi komuniti-komuniti."

Seharusnya Akta Pemakaian undang-undang Keluarga Islam hendaklah berdasarkan kepada Undang-undang Perlembagaan, memandangkan Undang-Undang Perlembagaan merupakan undang-undang yang tertinggi berbanding dengan Kanun Sivil dan Komusial Negara Thai 1934.

Campur tangan secara langsung dan meluas dalam perungan dan pentadbiran agama Islam di Patani bermula 1901, iaitu apabila Patani secara rasminya menerima Sistem *Kha Luang Yai* dan sistem pentadbiran *khet Jet Hua Meang*-Kawasan tujuh kepala negeri. Siam Berjaya menyempitkan dan seterusnya mengeneipkan pemakaian undang-undang Islam yang luas dan menyeluruh kepada pemakaian dalam bidang yang sempit dan terhad.

Projek Penterjemahan, Penggubalan dan Proses Pentashihan Kaedah Undang-Undang Keluarga Islam dan Pusaka

Penterjemahan dari Bahasa Melayu tulisan Jawi ke Bahasa Thai

Oleh kerana terdapat kerumitan didalam memutuskan kes-kes yang berkaitan dengan nikah, cerai dan harta pusaka bagi orang Islam yang beragama Islam di empat wilayah sempadan Thai dan menggeket Paraturan Pemerintahan Tahun *Row Sow 120* – (before Buddhist era) pada tujuh wilayah kecil (*Seven principalities*). Tambahan pula Al-Qur'an merupakan sumber undang-undang keluarga Islam ditulis dengan Bahasa Arab maka menjadi kesulitan bagi para hakim dan peguam untuk memahami isi kandungan undang-undang keluarga Islam.

Maka pada tahun 1938 Kementerian Kehakiman Thai memerlukan terjemahan kaedah undang-undang Islam yang berkaitan dengan Kekeluargaan dan Pusaka Islam yang dirujuk oleh *Dato Yuthitham* sebelum ini. Maka pihak kementerian mengarahkan Ketua hakim wilayah Patani supaya melantik penterjemah untuk menterjemah kaedah undang-undang Islam ke dalam Bahasa Thai. Maka Ketua hakim wilayah Patani melantik Tuan Jid Den-Udom sebagai penterjemah. Beliau adalah penolong pendaftar Mahkamah Wilayah Patani dan merangkap juru Bahasa Thai di Mahkamah Wilayah Patani. Walau bagaimanapun akta 1946 merupakan tambahan dan kecualian kepada Kanun Sivil dan Komusial Negara Thai 1934, Bab V Bagi orang Islam yang tinggal di empat wilayah selatan Thai.

Pada tahun 1929 Ketua Hakim Wilayah Patani menyerah kaedah Undang-Undang Islam dalam Bahasa Thai kepada pihak Kementerian Kehakiman. Pada tahun berikutnya, iaitu pada tahun 1930 Kementerian Kehakiman meminta *Tuan Samuhathesa pibarn* memeriksa Kaedah undang-undang Islam yang telah diterjemah kepada Bahasa Thai. melantik Tuan *Phra Ya Samuntharat Burind* seorang pakar agama Islam dan Bahasa Thai meriksa isi kandungan terjemahan. Ia mengambil masa setahun untuk memerikan versi terjemahan ke Bahasa Thai dengan bantuan Dato Yuthitham Wilayah Patani, *Khun Sri Tulakarn* (Haji Wan Harun), dan Haji Wan Ismail Sati Jamu dan pada tahun 1931 mereka pihak Ahli Jawatan Pemeriksa menyerah pembetulan kepada pihak kementerian kehakiman.

Pada tahun 1934 *Khaluang Yuthitham* – Suruhanjaya kehakiman wilayah selatan Thai telah menidarkan satu naskhah terjemahan “kaedah Undang-Undang Islam” kepada Mahkamah Satul untuk dinilai dan membuat komena kepada isi kandungan Kaedah Undang-Undang Keluarga Islam dan Pusaka yang telah diterjemahkan. Pada tahun 1935. Mahkamah Satul telah menghantar komen-komen kepada Kementerian Kehakiman Thai. Pada tahun 1936, Majlis Mesyuarat *Dato Yuthitham Patani* membuat rayuan kepada Kementerian Kehakiman supaya terjemahan tersebut ditolak dan memandangkan terjemahan yang sedia ada kerana terdapat banyak kesilapan pada isi kandungan undang-undang Islam yang telah diterjemah oleh Ahli Jawatan Kuasa yang pertama. Justeru Majlis Mesyuarat *Dato Yuthitham Patani* mensyurkan kepada Kementerian Kehakiman supaya menantik Tuan Phyara Samantara Burind dan Phra Phaitippayakhun sebagai Ahli Jawatan Kuasa Perterjemahan. Pada tahun 1937 *Khaluang Yai* – Suruhanyaya Kehakiman Tertinggi bahagian selatan Thai (High Commissioner) memberi peluang kepada *Dato Yuthitham* membuat pindaan kali kedua. Setelah 5 bulan berlansung tanpa apa pembedulan maka pihak Kementerian memaksa supaya *Dato Yuthitham* membuat surat tunjuk sebab. Diantara sebab-sebab adalah seperti berikut:

1. *Dato Yuthitham* memaklum kepada *Khaluang Yai* Kehakiman bahagian selatan Thai bahawa terjemahan yang dikumpul oleh *Dato Yuthitham* diambil dari berbagai Kitab, setengah terjemahan tidak jumpa darimana dirujuk dan sebagainya
2. Sumber rujukan Bahasa Arab yang dirujuk oleh *Dato Yuthitham* Wilayah Patani ialah: *Ghayatul Maksud, Fathul Mu'in, Mughni al-Muhtaj, Syarhu al-Rabiah, al-Bajuri ala al-Syamruri, Hallulmuskilat*. Manakala *Dato Yuthitham* wilayah Satul merujuk kepada kitab tulisan Jawi iaitu *Mara'atul Tullab, Khafuli tham, Furu al-Masa'il, Muta'alim, Matla' al-Badrain, Idahul al-Bab, Fatawa Kadahi Fi Ihkam al-Nikah* dalam menggubal atau mekodifikasi undang-undang keluarga Islam. Dalam mekodifikasi undang-Undang Islam Keluarga Islam dan Pusaka *Dato Yuthitham* akan memetik pendapat mazhab Shafie memandangkan negara jiran, Kelantan terdapat kitab-kitab adalah sebagai rujukan. Selain kitab-kitab Bahasa Arab terdapat buku yang berjudul *Minhaj al-Talibin, A Manual of Muhammeden Law-Al-Nawawi* ditulis dengan Bahasa Inggeris dikira sebagai buku rujukan (Laporan Luang Prapai Pitayacoon, Mahkamah Wilayah Satul, 15th February, B.

E. 2484). Menurut Tuan Phra Phai Thipya Khun, Hakim Wilayah Satul beliau berpendapat walau pun kodifikasi selsai dengan sempurna semua tetapi terdapat berapa kelemahan yang tidak dielakkan semasa mekodifikan adalah seperti berikut:

1.1 Tahap kemampuan dan pengentahuan Dato Yuthitham amat terhad sekali didalam memahami masalah yang berkaitan dengan undang-undang keluarga Islam dan pusaka.

1.2 Terdapat isu-isu penting semasa mekodifikasi, ahli jawatan kuasa kodifikasi memberi masa kepada *Dato Yuthitham* sampai 2 atau 3 hari untuk mencari dalil-dalil yang berkaitan

1.3. Terdapat setengah masalah tidak jumpa dalil maka terpaksa meneruskan mekodifikasi supaya kerja mekodifisi tidak terkendala.

1.4 Tahap penguasaan dan kefahaman Bahasa Thai dikanlanggan Dato Yuthitham berbeza-beza ini boleh merumitkan lagi proses penterjemahan dan mekodifikasi undang-undang keluarga Islam dan menyebabkan penterjemahan undang-undang keluarga Islam tidak tercapai maksud. Perlu dijelaskan disini terdapat hanya Tuan Che Abdullah Lang Puteh *Dato Yuthitham* Wilayah Satul seorang sahaja yang boleh menguasai Bahasa Thai dengan baik. Setiap kali mekodifikasi perkara baru terlebih dahulu menerangkan isi kandungan kepada *Dato Yuthitham*

Zaman Kodifikasi Kaedah Undang-Undang Keluarga Islam

Kodifikasi Kaedah Undang-Undang Islam dan Pusaka 1962 pada pasal kedua ini diketuai oleh Tuan Luang Phra Phai Thip Yakhun. Beliau adalah Ketua Hakim Mahkamah Wilayah Satul. Pada kali ini ahli jawatan kuasa mensyurkan supaya diberi nama Kodifikasi Undang-Undang keluarga Islam dan Pusaka 1942 yang sedelum ini telah dinamaka terjemahan Kaedah Undang-Undang Keluarga Islam dan Pusaka oleh jawatan kuasa sebelum ini. Ahli Jawatan kuasa pada kali ini berpendapat oleh kerana Kodifikasi Undang-Undang Keluarga Islam ini berdasarkan Kanun Sivil dan Komusial 1934 Negara Thai maka amat sesuai diberi nama baru. Akhirnya Ahli Jawatan Kuasa Projek setuju menamakan terjemahan ini sebagai "Kodifikasi Undang-Undang Keluarga Islam dan

Pusaka 1942". Pada bulan Januari 1946 maka selai projek mekodifikasi undang-undang keluarga Islam dan Pusaka. Ia mengambil masa satu tahun lebih. (Laporan Luang Prapai Pitayakhun, Mahkamah Wilayah Satul, 15th February, B. E. 2484).

Kodifikasi kaedah undang keluarga Islam dan pusaka 1942 disusun dalam dua bahagian sahaja. Bahagian pertama mengenai hal-hal kekeluargaan manakala bahagian kedua mengenai pusaka. Bahagian pertama iaitu bahagian keluarga mengangungi 5 Bab. Pada setiap Bab dibahagi kepada 5 atau 4 Judul. Manakala Bahagian Kedua iaitu bahagian pusaka ia mengangungi 6 Bab sahaja. Keseluruhannya kedua-dua bahagian mengadungi sejumlah 230 perkara yang meliputi perkara-perkara berikut:

Perkara 1, Bahagian Am mengandugungi bermula Perkara 1 hingga Perkara 21. Perkara 1. Adalah diperuntukan bahawa jika terdapat *lacuna* dalam Kodifikasi Kaedah undang-undang keluarga Islam dan Pusaka 1942, maka Kanun sivil dan komusial 1934 dan Kanun Prosidur Sivil Negara Thai akan dikuat kuasa sekiranya peruntukan dalam Kanun sivil dan Kanun Prosedur tidak bercanggah dengan peruntukan Kodifikasi Kaedah undang-undang Keluarga Islam dan pusaka 1946.

Perkara 2 mengadungi pentakrifan istilah-istilah perundangan yang dipakai dalam Kodifikasi kaedah undang-Undang Keluarga Islam dan Pusaka 1946. Istilah-istilah perundangan yang terdapat dalam kodifikasi ini adalah seperti berikut:

Kurang Keupayaan bermaksud kanak-kanak yang umur 7 tahun kebawah atau kanak-kanak tak siuman

Separung Keupayaan bermaksud mereka selalu berlanja secara boros, walau pun belanja secara boros pada keagamaan sekalipun sila rujuk Parkara 4

Kanak-Kanak bermaksud kanak-kanak yang berumur 7 tahun keatas tetapi belum berakil baligh

Umur akil bermaksud had umur akil baligh iaitu 15 tahun kamariah.

Zina bermaksud perbuatan memasuk zakar lelaki ke faraj perempuan samada air mandi terkeluar atau tidak

Wati syubhah bermaksud lelaki bersetubuh dengan perempuan tanpa niat

Dara bermaksud perempuan yang belum bersetubuh

Fasik bermaksud mereka yang melakukan dosa besar sekali atau mereka yang selalu melakukan dosa kecil tetapi belum lagi bertaubat

Taubah bermaksud proses membersihkan mereka yang melakukan dosa kecil dengan a) berlafaz keampunan kepada Allah, b) Menyesal atas kesalahan yang dilakukan, c) Berjanji tidak akan melakukan lagi, d) Meminta maaf kepada tuan ampunya, sekiranya terlibat kecederaan pada tubuh badan 1) Membayar ganti rugi 2) Kembalikan hart ajika diambil

Adil bermaksud a) Bukan orang fasik b) Orang fasik setelah bertaubat 1 tahun lebih

Murtad bermaksud jatuh agama melalui perkataan, perbuatan atau melalui kepercayaan

Menunaikan ibadat Haji bermaksud melakukan ibadat haji ke Mekkah

Sedakah bermaksud mengeluarkan harta bagi mereka yang memperolehi harta melebihi 1 tahun keatas a) perak 535gram emas 76.42gram keatas b) Lembu, kerbau, Kambing atau biri-biri c) Beras atau kacang berat 1,163.64 gram

Rukun Iman bermaksud rukun iman 6 perkara

Wali nikah (Perkara 29)

Ijab (Perkara 54)

Kabul (Perkara 55)

Nenek

Anak bermaksud anak lelaki atau anak perempuan

Zuriat disebelah lelaki

cucu

Ada bermaksud ada anak yang masih hidup

Tida bermaksud tiada anak atau ada anak tetapi anak sudah meniggal

Wakil bermaksud wakil mengekut Perkara 5 dan 6

Serah diri kepada suami

Talak (Perkara 82)

Ijab dan kabul secara khulu bermaksud perceraian melalui khulu ianya bukan penentuan pada bayaran

Raj'i bermaksud perceraian yang mana suami bole merujuk dalam tempoh iddah

Ba'in bermaksud perceraian yang mana suami tidak boleh jujuk mengekut peruntukan 91(3), 121 dan 127

Isikahwin bermaksud harta atau faedah yang mana suami mesti bayar kepada isteri dengan sebab perkahwinan atau bersetubuh dengan suami mengekut peruntukan 139

Dalam peruntukan mengenai isikahwin jika terdapat a) Menggunakan hak berirti menguna hak sesuka hat, b) Melepaskan hak separuh berirti berdamai dalam menentukan mas kahwin, c) Melepaskan hak berirti tidak mau menuntuk apa2 hak yang berkaitan dengan mas kahwin.

Harta yang tidak boleh dimiliki bermaksud binatang atau haiwan yang tidak bolen pindah milik mengekut undang-undang Islam seperti anjing, khizir, mayat, arak alat-alat muzik yang diguna bukan untuk askar, alat-alat perjudian

Fasakh bermaksud pembubaran perkahwinan diantara suami dan isteri dalam (Perkara 110)

Iddah bermaksud suatu tempoh samada lelaki atau perempuan dilarang berkahwin, bersentuh atau bersetubuh (Perkara 145).

Raj'ah bermaksud pembubaran perkahwinan sementara (Perkara 164)

Iddah raj'i bermaksud iddah kerana pembubaran perkahwinan secara raj'i

Iddah ba'in bermaksud iddah kerana pembubaran perkahwinan secara batin

Liwat bermaksud persetubuhan melalui dubur samada keluar mandi atau tidak

Perkara 10(1), Hakim Mahkamah wilayah dengan arahan *Dato Yuthitham* boleh mengeluarkan surat anggapan kematian supaya supaya pihak isteri boleh berkahwin semula (Perkara 10(1)).

Bahagian 1 Bab 1 Perkahwinan

Dalam Bab ini mengandungi 5 Judul seperti berikut:

Judul 1: Pendahuluan mengandungi Perkara 22-28 membincangkan pernikahan. Perkara 22 mentakrifkan pernikahan sebagai suatu kontrak sivil diantara lelaki dan perempuan. Perjanjian pertunangan dan munkir janji pertunangan. Sekiranya mana-mana pihak memungkirkan perjanjian, maka hadiah pertunangan mesti dikembalikan (Perkara 26). Menurut peruntukan Perkara 24 dan berdasarkan Perkara 38(1) perkahwinan melalui wali sahaja dikira sah. Sekiranya pihak lelaki melantik wakil bagi tujuan perkahwinan, wakil tersebut tidak berhak melafaz talak bagi pihak lelaki yang diwakili (Perkara 25)

Judul 2 mengandungi Perkara 29-48 membincangkan wali perempuan dan jenis-jenis wali yang diiktiraf dibawah Kodifikasi Kaedah Undang-Undang Keluarga Islam 1946. Di antaranya jenis-jenis wali yang terdapat dalam Kodifikasi Kaedah Undang-Undang Keluarga Islam dan Pusaka 1946 adalah seperti berikut: a) Wali khas (Perkara 30), b) wali akrab (Perkara 31), c) wali abad (Perkara 31), d) wali mujbir (Perkara 33), wali hakim (Perkara 35), wali penghulu (Perkara 34) dan wali am (Perkara 36), dan c) Wali Tahkim (Perkara 37). Manakala Perkara 38 membincangkan syarat-syarat wali. Di antara syarat-syarat wali adalah seperti berikut: a) Lelaki melaikan Permaisuri menjawat jawatan Raja Negara maka Permaisuri adalah wali hakim, b) Beragama Islam melaikan Raja maka Raja adalah wali Hakim, c) Berfikiran waras, d) Berkeupayaan, e) Bukan orang fasik, melainkan Raja dan orang yang baru memeluk islam, f) Siuman, g) Bukan dalam masa melakukan ibadah Haji, h) Bukan seorang yang separu gila dan i) Bukan Hamba abdi

Judul 3 mengandungi Perkara 49-53. Perkara 53, dan Perkara 71 membincangkan poligami. Walau bagaimanapun peruntukkan ini tidak menggariskan tentang syarat dan

prosedur untuk memohon poligami. Tatacara akad nikah boleh dilakukan di depan Imam Masjid sebagai ex-officio di kariah masing. Walau bagaimana pun pendaftaran poligami tidak boleh di daftar di pejabat pendaftaran wilayah oleh kerana pejabat pendaftaran wilayah hanya mengakui monogami menggecut Kanun Sivil dan Komusial Negara Thai 1934. Sebaliknya Kodifikasi undang-undang keluarga Islam dan Pusaka 1942 yang bersifat bigami mengikut undang-undang Islam. Perbuatan melakukan poligami secara terbuka kadangkala mengundang permasalahan yang melibatkan isteri-isteri dan anak-anak.

Judul 4 mengandungi Perkara 54-60 membahaskan ijab dan Kabul. Ijab adalah lafaz tawaran yang dilafazkan oleh wali bagi pihak perempuan atau wakil wali untuk tujuan pernikahan (Perkara 54), manakala "Kabul" adalah lafaz penerimaan tawaran oleh lelaki atau wakil lelaki atau wali bagi lelaki sekiranya lelaki belum sampai umur baligh (Perkara 55). Lafaz "ijab" dan "Kabul" sempurna apabila a) melafazkan ijab dan kabul, b) lafaz ijab dan kabul mesti jelas, tanpa apa-apa syarat, c) Serentak (Perkara 56).

Judul 5 mengandungi Perkara 57-70 membahaskan saksi dalam perkahwinan. Perkahwinan mengikut Kodifikasi undang-undang keluarga Islam dan Pusaka 1942 mesti dilakukan dihadapa dua orang saksi (Perkara 57). Syarat-syarat saksi perkahwinan dijelaskan dalam Perkara 58 dan 59. Diantara syarat-syarat saksi adalah a) Mengetahui Bahasa isyarat semasa melafaz ijab dan kabul, b) Melihat dan mendengar pihak yang melafaz ijab dan Kabul dengan jelas (Perkara 59). Wali adalah halang menjadi saksi bagi mana-mana perkahwinan dibawah peruntukan ini. (Perkara 60).

Bab 2: Hubungan Suami dan Isteri

Dalam Bab ini mendangungi 2 Judul iaitu:

Judul 1 Layanan terhadap Isteri dan Nafkah Isteri. Ia mengandungi Perkara 60-70. Sekiranya isteri memaki suaminya sekali sekali untuk tujuan menggajar suaminya, tidak dikira gugur nafkahnya (Perkara 68(1), (2) dan (3). Kadar nafkah yang suami mesti berikan kepada isteri hendaklah dikira menggecut adat setempat (Perkara 69). Perkara 70 memperuntukan bahawa pihak isteri boleh memohon kepada Mahkamah supaya

perkahwinan dibubarkan atas sebab kezaliman, memaki tanpa sebab yang munasabah, dan

Judul 2 Giliran mengandungi Perkara 71-80. Bagi suami yang mempunyai isteri dua orang keatas, hendaklah membuat giliran secara adil dan saksama (Peruntukan 71). Dalam menentu giliran, hendaklah dimulakan semijat mata jatuh hingga fajar. Sekiranya suami berkerja diwaktu malam giliran akan dikira apabila matahari terbenam pada esok hari (Perkara 73). Dalam menentu jumlah hari giliran tidak boleh kurang 1 hari atau tidak melebihi 3 hari atau 3 malam (Perkara 74(1), (2)).

Bab 3: Pembubaran Perkahwinan

Dalam bab ini terbahagi kepada 5 Judul seperti berikut

Judul 1 Peruntukan Am mengandungi Perkara 81 sahaja. Mengekut peruntukan dalam Perkara 81 Perkahwinan diantara suami dan isteri boleh dibubarkan melalui a) Suami dan isteri meninggal dunia, b) Talak, c) Fasakh, d) Li'an, d) Terfasakh iaitu 1) Wati syubhaha, 2) Menum susu, 3) suami atau isteri jatuh murtad

Judul 2 Pembubaran secara Talak mengandungi Perkara 82-109, mengekut Perkara 91(3) Seorang suami boleh menceraikan isterinya dengan talak satu, dua atau tiga talak. Sekiranya isteri diceraikan dengan tiga talak, dia tidak boleh bernikah semula dengan suami yang menceraikannya itu kecuali dia telah bernikah secara sah dengan seorang lelaki lain dan kemudiannya dengan sah telah di ceraikan. Perkara 97 Jika suami tidak setuju dengan perceraian dengan kerelaan, kedua-dua pihak boleh bersetuju untuk bercerai secara penebusan.

Perceraian Secara Taklik diperuntukan dalam Perkara 92(4), seorang perempuan yang bersuami, boleh jika berhak mendapat perceraian menurut syarat-syarat yang di lafazkan oleh suami di hadapan imam sebagai *ex-officio* pendafta kerajaan mengekut syarat-syarat yang tertera dalam sijil nikah selepas akad nikah di empat wilayah untuk mensabikan bahawa perceraian demikian telah berlaku.

Majlis Agama Islam atau Mahkamah Wilayah sebelum mensabitkan perceraian tersebut hendaklah memeriksa permohonan itu, membuat suatu penyiasatan mengenai sahnya

perceraian itu. Dan jika berpuas hati bahawa perceraian itu adalah sah mengikut hukum syarak, mahkamah atau Majlis Agama Islam hendaklah mensabitkan dan merekodkan perceraian itu dan menghantar satu Salinan rekod itu yang diperakui kepada pendaftar yang berkenaan dan kepada pendaftar untuk didaftarkan. Mahkamah Wilayah akan merujuk kepada peruntukan undang-undang Islam yang termaktub dalam Kodifikasi Kaedah Undang-Undang Keluarga Islam dan Pusaka 1942 manakala Majlis Agama Islam di empat wilayah akan merujuk kepada kitab-kitab fiqh empat mazhab. Perceraian secara *khul* diterima sebagai hak pihak isteri (Perkara 95-100). *Talak doi mee sin chaang* adalah terjemahan kepada cerai secara tebusan (Perkara 95(5)).

Judul 3 Pembubaran Perkahwinan secara Pasakh mengandungi Perkara 110-117. Oleh sebab ketaksiuman, penyakit kusta, elephantiasis, atau beberapa penyakit jasmani yang mengaibkan pada diri suami dijadikan alasan-alasan yang sah bagi perceraian secara fasakh

Bahawa dalam masa tempoh satu tahun atau lebih tidak diketahui di mana suaminya berada. (Perkara 115(3))

Bahawa dalam masa tempoh satu tahun atau lebih suaminya berada dalam tahanan.

Bahawa suami telah cuai atau telah gagal mengadakan peruntukan bagi nafkahnya (Perkara 115(2) mengemukakan Perkara 63(1), (3)).

Bahawa suami telah dihukum penjara selama tempoh tiga tahun atau lebih. (Perkara 115(2))

Bahawa suami telah gagal menunaikan tanpa sebab yang munasabah, kewajipan perkahwinannya (nafkah batin) selama tempoh satu tahun.

Bahawa suami telah mati pucuk pada masa perkahwinan dan masih lagi sedemikian dan isteri tidak tahu pada masa perkahwinan bahawa suami telah mati pucuk. (Perkara 111(3)(a)(1)(2)).

Bahawa suami telah gila selama tempoh dua tahun atau sedang menghidap penyakit kusta atau vitiligo atau sedang menghidap penyakit kelamin dalam keadaan boleh berjangkit. (Perkara 111(1))

Perceraian melalui *fasakh* merupakan perkara yang hanya boleh diselesaikan oleh *Dato Yuthitham* sahaja (Perkara 116)

Judul 4 Pembubaran Perkahwinan Secara *Li'an* mengandungi Perkara 118-121. Sekiranya suami menafikan anak dalam kandungan isterinya atau anak yang lahir dari perkahwinan samada anak tersebut masih hidup atau sudah meniggal dunia dikira anak luar nikah mengekut Perkara 167. (Perkara118). Suami dikehendaki melafaz sumpah ikut *Dato Yuthitham* (Perkara 118(3)). Sumpahnya ialah dengan suami berkata sebanyak empat kali (Perkara 118(4)(a). Pada kali kelima pula suami berkata “Sesungguhnya laknat Allah akan menimpa saya sekiranya saya menipu dalam tuduhan zina yang dilemparkan dan saya menafikan anak tersebut daripada benih saya Perkara 118(4)(b).

Apabila suami bersumpah maka perkahwinan antara suami isteri terbubar serta merta. (Perkara 119(1)). Hubungan anak dengan suami akan ternafi dan terputus (Perkara 119(2) Perkara 121 memperuntukan bahawa pembubaran perkahwinan melalui *lia'n* adalah *Ba'in*.

Judul 5 Pembubara Perkahwinan Secara *Terfasakh* mengandungi Perkara 122-128. *Terfasakh* bermaksud perbubaran perkahwinan antara suami dan isteri dengan tidak sengaja (Perkara 122). Suami atau isteri jatuh murtad (Perkara 126).

Bab 4: Kesan daripada Perkahwinan dan Perceraian

Dalam bab ini terbahagi kepada 5 Judul seperti berikut:

Judul 1 Mahar mengandungi Perkara 129-141, berdasarkan peruntukan ini Mahkamah Wilayah mempunyai kuasa membuat keputusan tentang tuntutan-tuntutan mas kahwin

Judul 2 Mutaah mengandungi Perkara 142-144, berdasarkan peruntukan ini Mahkamah Wilayah mempunyai kuasa membuat keputusan tentang tuntutan-tuntutan mutaah.

Judul 3 Iddah mengandungi Perkara 145-161,

Judul 4 Nafkah iddah mengandungi Perkara 162-163. Menurut Perkara 162 dan 58 seorang isteri yang telah bercerai berhak menerima *nafkah* daripada bekas suaminya hanya selama tempoh iddah dengan mengadakan tempat tinggal, makanan (Perkara

63(1)). Bagaimanapun, selain daripada haknya untuk mendapat nafkah iddah, seseorang perempuan yang telah dicerai tanpa sebab yang patut oleh suaminya boleh memohon kepada mahkamah wilayah untuk memperoleh *mutaah* dibawah Perkara 142. Jumlah *mutaah* diberi kepada isteri menurut budi bicara mahkamah wilayah (Perkara 144). Sebaliknya isteri tidak berhak mendapat *mutaah* sekiranya isteri murtad (Perkara 143(2)(a), atau bekas suaminya meniggal dunia (Perkara 143(2)(d)).

Judul 5 Rujuk mengandungi Perkara 164-166. Mengikut Perkara 166 memperuntukan untuk merujuk selepas perceraian, iaitu apabila bercerai talak satu atau dua.

Bab 5 Juriat mendangungi 4 Judul seperti berikut:

Judul 1 Anak Perkara 167-188. Perkara 167(1)(a) sebagai anak kedua-dua pihak dalam perkahwinan itu. Sebaliknya anak yang diambil sebagai anak angkat di bawah Kanun Sivil dan Komusial 1934 Negara Thai tidak dikira sebagai anak mengikut peruntukan Perkara 168 Kodifikasi Kaedah Undang-undang Keluarga Islam dan Pusaka 1946. Jika seseorang lelaki telah melakukan persetubuhan syubhah dengan seorang wanita dan demudian wanitu itu melahirkan seorang anak dalam masa enam bulan kamariah (Perkara 3), maka lelaki itu hendaklah disifatkan sebagai bapa kepada anak itu. Perkara 2(6), Perkara 167(1)(a))

Judul 2, Kuasa penjagaan anak, Perkara 169-178. Perkara 167(1)(a) sebagai anak kedua-dua pihak dalam perkahwinan itu. Sebaliknya anak yang diambil sebagai anak angkat di bawah Kanun Sivil dan Komusial 1934 Negara Thai tidak dikira sebagai anak mengikut peruntukan Perkara 168 Kodifikasi Kaedah Undang-undang Keluarga Islam dan Pusaka 1946. Jika seseorang lelaki telah melakukan persetubuhan syubhah dengan seorang wanita dan demudian wanitu itu melahirkan seorang anak dalam masa enam bulan kamariah (Perkara 3), maka lelaki itu hendaklah disifatkan sebagai bapa kepada anak itu. Perkara 2(6), Perkara 167(1)(a))

Judul 3 Susuan mengandungi Perkara 179-183

Judul 4 Nafkah untuk tanggungan mengandungi Perkara 184-187. Perkara 184 mengenakan kepada seorang ibu bapa kewajipan untuk menanggung atau memberi atau memberi nafkah kepada anak-anaknya. Jika anak perempuan tanggungan memberi nafkah sehingga ia berkahwin (Perkara 184(2)). Jika anak lelaki tanggungan memberi nafkah sehingga ia sampai akil baligh. (Perkara 184(1)(b)). Had umur akil baligh bagi lelaki mengikut Kodifikasi Kaedah Undang-Undang Keluarga Islam adalah 15 tahun. (Perkara 1(4)(a)). Tetapi di bawah Perkara 185(1)(b) Bahagian 1, Bab 4, Judul 4 nafkah itu akan diteruskan sehingga anak itu tidak lagi berada dalam keadaan hilang upaya. Ini bererti bahawa anak-anak yang cacat, walau apa pun umur mereka, akan terus diberikan nafkah.

Bahagian Dua: Pewarisan

Dalam bahagian ini terbahagi kepada 6 Bab yang berasingan seperti berikut:

Bab 1, membahaskan Peruntukan Am mengenai kuasa pembahagian harta pusaka. Harta pusaka si mati akan digunakan untuk memenuhi tuntutan dan perbelanjaan berikut: a) perbelanjaan untuk pengebumian (Perkara 190(a)(b)(c)(d)(e) dan (f), b) hutang si mati (Perkara 189 (6)), c) perbelanjaan bagi probet dan pentadbiran (Perkara 189 (7), d) penagihan bahagian di kalangan waris (Perkara 189 (8)).

Bab 2 membincangkan pewaris fardhu iaitu a) suami isteri, b) bapak, ibu, datuk, nenek, c) anak perempuan dan anak perempuan kepada anak lelaki yang mempunyai pertalian langsung, d) saudara perempuan sekandung, saudara perempuan seapak, saudara perempuan seibu dan saudara lelaki seibu. (Perkara 204). Bab 3, Fardhu (Perkara 204-216). Bab 4, Asabah (Perkara 217-221)

Bab 5, Zawil ar-Ham (Perkara 222-225). Manakala perkara 222 menkategori Zawil Arham. Cara pembahagian pusaka kepada *Zawil al-Arham* (Perkara 223). Akhir sekali Kodifikasi Kaedah Undang-Undang Keluarga Islam dan Pusaka 1946 membahaskan wasiat dalam Bab 6. Bab 6 wasiat, mendandungi Perkara 226-230. Manakala perkara 227 mewasiatkan harta yang tidak dipindah milik diharamkan seperti anjing, khinzir dan arak adalah tidak sah. Mengekut Perkara 229, wasiat selepas kematian yang tidak melebihi satu pertiga

daripada harta pusaka. Wasiat boleh buat juga mengekut peruntukan dalam Kanun Sivil dan Komusial Negara Thai, 1934. (Perkara 226 (para 2)).

Isu-isu berbangkit semasa mekodifikasi Kaedah Undang-Undang Keluarga Islam dan Pusaka 1946

1. Pendaftaran pernikahan, Penceraian dan Akta Pendafran Perkahwinan Negara

Merujuk kepada Kanun sivil dan komusial Negara Thai 1934, Bab 5 sekiranya pasangan gagal mendaftar perkahwinan dan penceraian dikira perkahwinan dan perceraian tidak sah disisi undang-undang. Terdapat dilangan *Dato Yuthitham* tidak setuju dengan peruntukan tersebut olehkerana dalam perundangan Islam pendaftaran perkahwinan dan perceraian tidak menjadi perkara wajib.

1.1. Pendaftar Perkahwinan dan Pendaftar Penceraian

Pada Majlis mesyuarat *Dato Yuthitham*, *Dato Yuthitham* mencadangkan Imam masjid pada setiap kariah menjadi pengawai pendaftar olehkerana tugas imam adalah sebagai Juru nikah ketua hakim bahagian selatan, Phra Niti Karn Phrasum tidak setuju cadangan yang dikemuka oleh *Dato Yuthitham*. Phra Niti Karn Phrasum, Ketua Hakim bahagian selatan berpendapat bahawa pendaftaran perkawinan dan perceraian adalah tugas pegawai kerajaan maka kerja pendaftaran tidak layak diberi kepada orang biasa. Lebih-lebih lagi ia terlibat dengan tindakan undang-undang bagi mereka yang gagal mendaftar perkawinan dan perceraian. Maka pegawai kerajaan di pejabat pendaftaran wilayah adalah sesuai dilantik sebagai pegawai pendaftar perkahwinan dan perceraian bagi orang Islam di empat Wilayah sempadan Thai dengan mengemukakan sijil Nikah yang ditanda tangan oleh *imam* masjid di kariah masing menjalani tugas *ex-offio* Pendaftar Perkahwinan dan Penceraian orang Islam di kariah masing-masing untuk tujuan pendaftaran pada kali kedua di pejabat pendaftaran wilayah.

2. Terjemahan dan kodifikasi Kaedah Undang-Undang Islam ini adalah sebagai panduan kepada *Dato Yuthitham* dan Para Hakim sivil di Mahkamah Sivil di empat wilayah

sempadan Thai sahaja ia tidak terikat secara undang-undang. Oleh kerana kodifikasi kaedah Undang-Undang Islam belum lagi dilulus oleh Parlimen. Kodifikasi ini hanya merupakan arahan dalam dari kementerian Kehakiman melalui Jabatan Perdana Menteri sahaja. Walau bagaimanapun kaedah Undang-Undang Keluarga Islam dan Pusaka boleh dilaksana hanya di Mahkamah Wilayah di empat wilayah sempadan Thai sahaja. Ini bererti *Dato Yuthitham* ada dua pilihan samada hendak merujuk kepada kaedah Undang-Undang Keluarga Islam atau merujuk kepada kitab-kitab Fiqh dalam memberi nasihat perundangan kepada hakim sivil.

2.3 Memandangkan Kes-kes Keluarga Islam dan Pusaka merupakan *ex parte* prosiding dalam setahun lebih kurang 10 kes lebih sahaja difail di Mahkamah wilayah kadangkang tidak sampai 10 kes setahun pun. Kebanyakan kes keluarga Islam dan Pusaka di dengar dan diputus di peringkat Majlis Agama Islam lagi maka kedudukan dan peranan *Dato Yuthitham* di mahkamah wilayah kurang mencabar berbanding hakim di mahkamah sivil. Tambahan lagi perayu kena memukul kos guaman jika memelih Mahkamah (*Dato Yuthitham*) wilayah. Kebanyakan Kes -kes yang di putus di Mahkamah *Dato Yuthitham* biasanya tidak terlibat isu perundangan Islam ia hanya yang tidak susah maka *Dato Yuthitham* tidak terdedah dengan proses perundangan yang rumit.

Jadual I

Kronologi Undang-Undang Keluarga Islam di Empat Wilayah Selatan Thai dari Tahun 1901 hingga - 1946

| Tahun | Tindakan Kerajaan dan Kementerian Kehakiman |
|-------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1901 | Undang-Undang Keluarga Islam diperakui dan dipakai di Kawasan Tujuh Kepala Bandar (Kheat Jet Hua Muang Pak Thai) berdasarkan peraturan 32. |

| | |
|------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1905 | Undang-Undang Keluarga Islam dibenar di pakai di Empat wilayah |
| 1917 | Jawatan "To' Kali" (kadi) di tukar kepada nama baru iailah Dato Yuthitham |
| 1928 | Kementerian Kehakiman memerlukan terjemahan undang-undang keluarga Islam dan pusaka. |
| 1929 | Ketua Hakim <i>Monton Patani</i> -Wilayah Patani mengarah supaya Dato Yuthitham Wilayah Patani menyediakan Draf Undang-Undang Keluarga Islam dan pusaka. |
| 1930 | Mahkamah Monton Patani melantik Tuan Jid Den Udom juru Bahasa Thai Mahkamah <i>Monton Patani</i> -Wilayah Patani sebagai penterjemah. Draf yang pertama diserahkan kepada Kementerian Kehakiman |
| 1931 | Kementerian Kehakiman melatik Tuan Phra Sri Buri Rat sebagai pemeriksian penterjemahan |
| 1933 | Pemakaian Undang-Undang Keluarga Islam diperluaskan pengkuatkuasaannya ke wilayah Satul melalui surat arahan kementerian kehakiman No; 30/4353 |
| 1932 | Dato Yuthitham <i>Monton Patani</i> -Wilayah Patani setuju |
| 1934 | Draf terjemahan undang-undang Keluarga Islam dan Pusaka dihantar ke Kemahkamah wilayah Satul untuk disemak oleh Dato Yuthitham Wilayah satul Kanun Undang-Undang Sivil dan Komusial dilulus |
| 1935 | Arahan dari Kementerian kehakiman supaya Dato Yuthitham membuat semakan dan pembetulan keatas terjemahan undang-undang Keluarga Islam dan Pusaka |
| 1936 | Arahan untuk Mansukh terjemahan undang-undang keluarga Islam dan Pusaka dan melantik Phraya Samantra Burint sebagi ketua penterjemahan |

| | |
|------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1937 | Kha Luang Yai Kehakiman Bahagian Selatan Thai mengadakan Menyuarat Di Mahkamah Wilayah Patani supaya Dato yuthitham membuat komen |
| 1938 | Akta Pemakaian undang-undang keluarga islam tahun 1902 dan jawatan <i>Dato' Yuthitham</i> ditarik balik oleh kerajaan dan diganti dengan Kanun Civil dan Komusial Negara Thai 1934 Negara Thai, Bab 5. |
| 1939 | Kodifikasi undang-undang keluarga Islam dan pusaka bermula setelah Majlis <i>Dato' Yuthitham</i> Patani membuat pitisyen menolak draf terjemahan Undang-Undang Keluarga islam dan Pusaka Januari 1938 Kodifikasi Kaedah Undang-Undang Keluarga Islam dan Pusaka yang di ketuai oleh Phra Phai Thipyra Khun selsai tetapi ia belum lagi dibentang dan dilulus oleh Parlimen. |
| 1940 | Pada bulan Ogos 27, 1940 hingga September 13, 1940 mesyuarat diadakan untuk mengulangkaji kandungan bahagian kedua. Penggubalan dan pentashihan bahagian satu dan dua memakan masa dua blelas (12) tahun |
| 1941 | JCSR menyerah kandungan undang-undang keluarga Isalam dan pusaka kepada Setiausaha Tetap Kementerian Kehakiman |
| 1943 | Kempen Kebudayaan <i>Ratha niyum</i> Thai diketuai oleh Field Marshal P. Phibul Songkram |
| 1944 | Perdana Menteri Field Marshal P. Phibul Songkram menarik balik akta Pemakaian Undang-Undang Keluarga Islam dan Pusaka Haiat Munfizat Ahkam al-Syariat al-Fatani |
| 1946 | Kerajaan Siam mengembalikan Akta mengenai Pemakaian Undang-Undang Keluarga Islam dan Pusaka di empat wilayah selatan Thai. |

Implikasi Dua Sistem Perundangan

Dari jadual diatas kita dapat lihat bahawa sistem perundangan yang berasingan bagi undang-undang keluarga wujud di Thailand bagi orang Islam di empat wilayah, bagi orang Islam di luar empat wilayah dan bagi orang bukan Islam. Perkara yang berhubung dengan undang-undang keluarga bukan Islam dan orang Islam yang tinggal di luar empat wilayah adalah di bawah bidang kuasa perundangan Kanun Sivil dan Komusial 1934, Bab V. Manakala orang Melayu yang beragama Islam yang bermustautin di empat wilayah sempadan Thai mereka tertaluk kepada Akta mengenai pemakaian undang-undang Keluarga Islam dan Pusaka 1946. Manakala isi kandungan undang-undang Keluarga Islam dan Pusaka yang berdasarkan Akta pemakaian undang-undang keluarga Islam dan pusaka hanya dibukukan dan akhir sekali dikodifikan oleh Hakim Wilayah Satul untuk tujuan rujukan *Dato' Yuthitham* dan hakim Mahkamah civil sahaja, ia belum lagi dilulus oleh Parlimen.

Menurut Phra Nitikarn Prasum pengurus kodifikasi Kaedah undang-undang keluarga islam dan Pusaka 1946 beliau berpendapat bahawa saya tidak percaya dan dikhuatiri kodifikasi undang-undang Islam akan diangkat dan dilulus oleh kerajaan Thai sebagai Akta atau undang-undang yang dilulus of parlimen- *Act of Parliment*.

Isi kandungan Undang-Undang Keluarga Islam Dan Pusaka

Peruntukan Mengenai Poligami

Poligami telah diperuntukkan dalam Kaedah Undang-Undang Keluarga Islam dan Pusaka 1946. Bahagian 1 Bab 2 Perkara 53, dan Perkara 71 membincangkan poligami. Walau bagaimanapun peruntukkan ini tidak menggariskan tentang syarat dan prosedur untuk memohon poligami. Tatacara akad nikah boleh dilakukan di depan Imam Masjid sebagai *ex-officio* di kariah masing. Walau bagaimana pun pendaftaran poligami tidak boleh di daftar di pejabat pendaftaran wilayah oleh kerana Pejabat Pendaftaran wilayah hanya mengakui monogami menggecut Kanun sivil dan Komusial Negara Thai 1934. Sebaliknya kodifikasi undang-undang keluarga Islam dan Pusaka 1942 yang bersifat bigami mengikut undang-undang Islam. Perbuatan melakukan poligami secara terbuka kadangkala mengundang permasalahan yang melibatkan isteri-isteri dan anak-anak.

Peruntukan Kodifikasi Kaedah Undang-Undang Keluarga Islam dan Pusaka 1946 mengenai Anak tak sah Taraf

Kedah Undang-Undang Keluarga Islam dan Pusaka di empat wilayah selatan Thailand 1946 hanya berkuat kuasa ke atas orang Islam sahaja. Mereka ini hendaklah bermukim samada di wilayah Patani, Narathiwat, Yala dan Satul. Bagi orang Melayu yang beragama Islam yang bermukim di Darah Chanak wilayah Songkhla mereka terkecuali dan tidak boleh memakai undang-undang keluarga Islam dan Pusaka. Bagi mengelakkan sebarang keraguan bahawa mahkamah wilayah di empat wilayah tersebut mempunyai bidang kuasa untuk mendengar atau memutuskan apa-apa tuntutan atau *ex parte* prosiding di mana penuntut dan yang kena tuntutan menganut agama Islam semasa membuat tuntutan. (Somburn Puttachak, 1986).

Kodifikasi Kaedah Undang-Undang Keluarga Islam dan Pusaka 1946 ada membincangkan kedudukan anak tak sah taraf dengan sepintas lalu sahaja. Tiada peruntukan khusus mengenai anak tak sah taraf. Anak tak sah taraf bermaksud anak zina, atau anak luar nikah. Menurut Kodifikasi Kaedah Undang-Undang Islam Keluarga dan Pusaka di empat wilayah selatan Thailand 1946 anak tak sah taraf bermaksud anak yang dilahirkan selapsa kahwin sebelum enam bulan kamariah (Perkara 167(2), 2(38)). Atau lelaki bersumpah empat kali berturut menafikan anak itu bukan anaknya. Melalui sumpah yang dilakukan di hadapan Dato Yuthitham itu telah menyebabkan anak tersebut tidak boleh dinasabkan kepada lelaki itu. (Perkara 118(3), (4))

Kodifikasi Kaedah Undang-Undang Keluarga Islam dan Pusaka 1942 mentakrifkan anak daripada perkahwinan dalam Bahagian 1, Bab 5, Judul 1, Perkara 167(1)(a) sebagai anak kedua-dua pihak dalam perkahwinan itu. Sebaliknya anak yang diambil sebagai anak angkat di bawah Kanun Sivil dan Komusial 1934 Negara Thai tidak dikira sebagai anak mengikut peruntukan Perkara 168 Kodifikasi Kaedah Undang-undang Keluarga Islam dan Pusaka 1946. Jika seseorang lelaki telah melakukan persetubuhan syubhah dengan seorang wanita dan kemudian wanita itu melahirkan seorang anak dalam masa enam bulan kamariah (Perkara 3), maka lelaki itu hendaklah disifatkan sebagai bapa kepada anak itu. Perkara 2(6), Perkara 167(1)(a))

Bidang Kuasa Mahkamah Dato Yuthitham

Akta mengenai pemakaian undang-undang Islam Keluarga dan Pusaka hanya berkuat kuasa ke atas orang Islam yang beragama Islam. Diantara syarat-syarat adalah a).Pasangkan mesti beragama Islam masa membuat tuntutan, b) Pasangkan mesti tinggal di empat wilayah semasa membuat tuntutan dan c) Tuntutan mesti tuntutan keluarga dan pusaka. Mereka, yang menuntut dan yang kena tuntutan hendaklah bermukim di empat wilayah sempadan iaitu Narathiwat, Patani, Yala dan Satul sahaja. Sekiranya salah satu pihak berpindah ke wilayah lain semasa membuat tuntutan makai a tidak berhak diadili dibawah Undang-Undang Keluarga Islam. Dalam kes *Santiphap Sing Haad Lawan Jamilah Sing Haad* (Mahkamah Wilayah Narathiwat, Kes Mal No: 5/B.E.2539 (1996), isteri menfailkan tuntutan hak jagaan atas seorang anak perempuan di makmah wilayah Narathiwat kerana suami telah berpindah tempat kerja ke Wilayah Narathiwat. Tuntutan cerai daripada isteri ditolak oleh kerana suaminya tinggal di Wilayah Songkhla. Keputusan Hakim Mahkamah Wilayah yang dibantu oleh *Dato Yuthitham* adalah muktamad. Sebarang rayuan mengenai undang-undang Islam adalah dilarang sama sekali. Walaubagaiman pun rayuan mengenai keputusan hakim Mahkamah Wilayah atas nasihat *Dato Yuthitham* boleh dibuat kepada Mahkamah Bahagian Dua di Wilayah Songkhla, sekiranya terdapat kekiliruan mengenai fakta kes- *fact of the case* dan bukan kekiliruan mengenai undang-undang Islam- *point of Islamic law*.

Kelayakan bagi perlantikan *Dato Yuthitham* di Mahkamah Wilayah sempadan ini adalah tidak sama seperti perlantikan bagi Hakim Mahkamah Sivil yang arif dalam perundangan Islam, berumur 45 tahun keatas berwarga negara dan taat setia kepada Raja sudah memadai untuk memegang jawatan *Dato Yuthitham*. *Dato Yuthitham* yang dilantik akan berkhidmat sehingga mereka mencapai umur enam puluh lima tahun. Manakala gaji bulanan *Dato Yuthitham* tidak sama seperti hakim wilayah.

Permohonan untuk Pembubaran Perkahwinan dibawah Undang-Undang Keluarga Islam dan Pusaka 1946

Bahagian 1 Bab 3 membincangkan bentuk pembubaran perkahwinan yang diiktiraf oleh Kodifikasi Kaedah Undang-Undang Keluarga Islam dan Pusaka 1946. Perkara 81 telah

memperuntukkan permohonan cerai yang boleh difailkan oleh isteri ke Mahkamah Wilayah di empat wilayah selatan Thai. Tuntutan itu akan dibircakan dan jika sabit tuntutan isteri maka terbubarlah perkahwinan mereka itu. Di antara cara pembubaran perkahwinan yang boleh dituntut oleh isteri ialah perceraian secara talak,taklik, fasakh dan Khuluk. Peruntukan tersebut adalah seperti berikut:

Perceraian Secara Taklik (Bahagian 1, Bab 3, Judul 2, Perkara 92(4))

Seseorang perempuan yang bersuami, boleh jika berhak mendapat perceraian menurut syarat-syarat yang di lafazkan oleh suami di hadapan imam sebagai pendaftar ex-officio kerajaan mengikut syarat-syarat yang tertera dalam sijil nikah selepas akad nikah di empat wilayah untuk mensabikan bahawa perceraian demikian telah berlaku.

Majlis Agama Islam atau Mahkamah Wilayah sebelum mensabitkan perceraian tersebut hendaklah memeriksa permohonan itu, membuat suatu penyiasatan mengenai sahnya perceraian itu. Dan jika berpuas hati bahawa perceraian itu adalah sah mengikut hukum syarak, mahkamah atau Majlis Agama Islam hendaklah mensabitkan dan merekodkan perceraian itu dan menghantar satu Salinan rekod itu yang diperakui kepada pendaftar yang berkenaan dan kepada pendaftar untuk didaftarkan.Mahkamah wilayah akan merujuk kepada peruntukan undang-undang Islam yang termaktub dalam “Kodifikasi Kaedah Undang-Undang Keluarga Islam dan Pusaka 1942” manakala Majlis Agama Islam di empat wilayah akan merujuk kepada kitab-kitab fiqh empat mazhab.

Perceraian Secara Fasakh (Perkara 111)

Oleh sebab ketaksiuman, penyakit kusta, elephantiasis, atau beberapa penyakit jasmani yang mengaibkan pada diri suami dijadikan alasan-alasan yang sah bagi perceraian secara fasakh

Bahawa dalam masa tempoh satu tahun atau lebih tidak diketahui di mana suaminya berada. (Perkara 115(3))

Bahawa dalam masa tempoh satu tahun atau lebih suaminya berada dalam tahanan.

Bahawa suami telah cuai atau telah gagal mengadakan peruntukan bagi nafkahnya selama tempoh empat bulan kamariah. (Perkara 115).

Bahawa suami telah dihukum penjara selama tempoh tiga tahun atau lebih. (Perkara 115(2))

Bahawa suami telah gagal menunaikan tanpa sebab yang munasabah, kewajipan perkahwinannya (nafkah batin) selama tempoh satu tahun.

Bahawa suami telah mat pucuk pada masa perkahwinan dan masih lagi sedemikian dan isteri tidak tahu pada masa perkahwinan bahawa suami telah mati pucuk. (Perkara 111(3)(a)(1)(2)).

Bahawa suami telah gila selama tempoh dua tahun atau sedang menghidap penyakit kusta atau vitiligo atau sedang menghidap penyakit kelamin dalam keadaan boleh berjangkit. (Perkara 111(1))

Perceraian melalui fasakh merupakan perkara yang hanya boleh diselsaikan oleh *Dato Yuthitham* (Bahagian 1, Bab 3 Judul 3, Perkara 116)

Nafkah iddah Isteri

Menurut Perkara 162 dan 58 seorang isteri yang telah bercerai berhak menerima *nafkah* daripada bekas suaminya hanya selama tempoh iddah dengan mengadakan tempat tinggal, makanan (Perkara 63(1)). Bagaimanapun, selain daripada haknya untuk mendapat nafkah iddah, seseorang perempuan yang telah diceraikan tanpa sebab yang patut oleh suaminya boleh memohon kepada mahkamah wilayah untuk memperoleh *mutaah* dibawah Perkara 142. Jumlah mutaah diberi kepada isteri menurut budi bicara mahkamah wilayah (Perkara 144). Sebaliknya isteri tidak berhak mendapat mutaah sekiranya isteri murtad (Perkara 143(2)(a), atau bekas suaminya meniggal dunia (Perkara 143(2)(d)).

Kesimpulan

Mahkamah di empat wilayah sempadan Thai diberi kuasa kepada Dato Yuthitham sebagai penasihat kepada hakim sivil. Ia mempunyai taraf yang paling rendah dan merupakan sebahagian daripada hiraki dan struktur pentadbiran Mahkamah sivil. Siam Berjaya menyempitkan dan seterusnya mengeneipikan pemakaian undang-undang Islam yang luas dan menyeluruh kepada pemakaian dalam bidang yang sempit dan terhad

hanya bersangkutan paut dengan Undang-Undang Keluarga dan Pusaka sahaja. Undang-undang yang ada hanya diguna pakai ke atas orang Islam yang tinggal di empat wilayah selatan sahaja dan hukuman ke atas sesuatu kesalahan sama ada jenayah atau mal dihukum berdasarkan undang-undang Thai.

Rujukan

Akta Pemakaian Undang-Undang Islam Di Wilayah Patani, Narathiwat, Yala dan Satul B. E. (2489)1946.

Kaedah Undang-Undang Keluarga Islam dan Undang-Undang Pusaka Islam, 1946

Kanun Sivil dan Komusial Thai, 1934, Bab V

Laporan Luang Prapai Pitayakhun, Mahkamah Wilayah Satul, 15th February, B. E. 2484

Laporan Sri Thammathibet, Kementerian Kehakiman, 9th February, B.E. 2480.

Laporan Nitikarn Prasom, Mahkamah Wilayah Songkhla. 11st March, B. E.2484.

Peraturan Pemerintahan Tujuh Buah Negeri, 1902

M. B. Hooker (1984), *Islamic Law in South-East Asia*, Oxford University Press, New York.

Somburn Puttachak (1986) *The Application of Islamic Law in Patani, Narathiwat, Yala and Satun*, Master's Thesis, Chulalongkorn University, Bangkok.

Sulaiman Dorloh (2006) "*The Position of Islamic Law in the Four Southern Border Provinces of Thailand*" *Shari'ah Journal*, University of Malaya, Kuala Lumpur, vol.14,No: 2, July-December, pp 1-21, ISSN 0125-6730.

Sulaiman Dorloh (2009). "*The Code of Muslim Family Law and Law of Inheritance (1946) As Applicable in the Provincial Courts of Southern Four Border Provinces of Thailand: Issues and Prospects*", *Journal of Fiqh*, University of Malaya, Kuala Lumpur, vol 6. No.6 (2009) pp125-145, ISSN 2289-7518.

Sulaiman Dorloh, Ahmad Baha bin Hj Mokhtar (2015). *“Right of Muslim Women in Thailand under the Muslim Family Law of Inheritance Code, 1941”*, Journal of Fiqh, University of Malaya, Kuala Lumpur, vol 12. No.12 (2015) pp 95-112, ISSN 2289-7518.

Sulaiman Dorloh (2015). *“Resolution of Muslim Family Law Disputes through Amicable Settlement (Sulh) in Thailand: An Analysis”* UNISSA Journal, Vol 4 No 4, 2015, pp.23-48. ISSN 2225-773X.

Santiphap Sing Haad Lawan Jamilah Sing Haad, Mahkamah Wilayah Narathiwat, Kes Mal No: 5/B.E.2539 (1996).